

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)40

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

40. Sejauh mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk kerja-kerja pembersihan parit dan tali air diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi meningkatkan kualiti kerja berbanding sedia ada?
- (a) Bilakah projek rintis akan dimulakan serta lokasi sasaran?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

40. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan semua kerja perolehan berdasarkan tatacara dan peraturan perolehan semasa yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, mana-mana kontraktor atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang memenuhi keperluan dan syarat perolehan adalah layak untuk menyertai tawaran kerja di bawah JPS.

Bagi kerja-kerja pembersihan parit dan tali air, perolehan dilaksanakan berdasarkan pekeliling dan garis panduan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), di mana proses tawaran dibuat secara terbuka dan telus. Setiap syarikat atau pertubuhan yang menepati syarat kelayakan boleh mengemukakan tawaran untuk dipertimbangkan.

Dalam masa yang sama, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan menambah baik spesifikasi teknikal dan keperluan kerja pembersihan bagi memastikan mutu pelaksanaan kerja adalah berkualiti, menyeluruh dan memberi kesan positif kepada keberkesanan sistem saliran di kawasan pertanian.

- (a) Tiada projek rintis yang dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah pelaksanaan kerja-kerja pembersihan parit dan tali air melalui PPK. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui JPS akan mempertimbangkan pelaksanaan projek rintis pada masa akan datang setelah penilaian menyeluruh terhadap keberkesanan dan keupayaan pelaksana tempatan seperti PPK dibuat.

